

SENJATA BIJAK DALAM PERANG DI UKRAINE

UKRAINE

DRON 'SWITCHBLADE'

Bersaiz kecil dan boleh dibawa dalam beg gelas, dron ini juga dikenali sebagai dron 'kamikaze' kerana ia boleh diterbangkan terus ke arah kereta kebal atau sekumpulan askar. Dron ini musnah apabila terkena sasaran dan meletup, seperti juruterbang Jepun yang membunuh diri semasa Perang Dunia Kedua.

BAGAIMANA IA DIGUNAKAN?

- Boleh digunakan sekali sahaja, dron ini punya kelajuan sekitar 100 kilometer sejam dengan membawa kamera, sistem pandu dan bahan letupan sebelum menuju ke arah sasarannya.



KOS
AS\$6,000 (\$8,150)
bagi setiap dron.

CIRI BIJAK

Dron ini gunakan video dan koordinat GPS masa nyata untuk menetapkan sasaran secara tepat dengan kesan kolateral yang rendah.



PELANCAR PELURU ANTIKERETA KEBAL JAVELIN

Javelin yang diperbuat di Amerika ini amat berharga dalam usaha Ukraine menentang Russia, dengan senjata itu dapat status simbolik 'Saint Javelin' di negara itu.

BAGAIMANA IA DIGUNAKAN?

Dilengkapi dengan dua bahan letupan, yang pertama meletup apabila terkena kereta kebal manakala yang kedua, juga lebih kuat, boleh tembus perisai kereta kebal itu.

CIRI BIJAK

- Peluru ini boleh pandu sendiri sepenuhnya selepas penembak menetapkan sasaran.
- Dilengkapi dengan GPS dan kamera inframerah dengan keupayaan zum untuk jejak sasaran selepas menembaknya.

KOS
AS\$178,000, dengan peluru ganti berharga AS\$78,000.



RUSSIA

DAMAK UMPAN

Risikan Amerika temui senjata 'rahsia' ini, yang dilengkapi pada peluru balistik jarak pendek Iskander-M Russia, dan digunakan untuk elak daripada sistem pertahanan udara Ukraine.

BAGAIMANA IA DIGUNAKAN?


- Berukuran sekitar 30.5 sentimeter, damak ini dilancar oleh peluru Iskander apabila ia dapat mengesan bahawa ia menjadi sasaran sistem pertahanan udara.
- Damak ini memperdaya pesawat pemintas, membolehkan peluru Iskander melakukan kerosakan dalam jarak 400 kilometer.

CIRI BIJAK

- Mengandungi elektronik yang keluarkan isyarat radio untuk kelirukan radar di darat.
- Bahagian bawah damak ini juga keluarkan suhu panas yang menarik peluru yang tertarik dengan suhu panas.

KOS

Tidak diketahui. Russia hadkan penjualan senjata ini. Namun menurut pakar, senjata ini mungkin akan dikaji dan dihasilkan semula oleh negara Barat selepas ia digunakan di Ukraine.



PELURU BERPANDU LASER KRASNOPOL

Peluru ini merupakan sistem meriam berpandu laser dari zaman Soviet Union pada 1980-an.

BAGAIMANA IA DIGUNAKAN?

- Selepas ditembak, askar gunakan laser pada sasaran dan ini mengarahkan peluru itu untuk terkena sasaran yang bercahaya itu.
- Peluru berpandu itu boleh musnahkan sasaran dalam jarak tiga hingga 20 kilometer.

CIRI BIJAK

Sistem berpandu laser peluru ini, yang boleh digunakan dengan dron atau askar di darat, bermakna askar boleh tingkatkan ketepatan peluru ini dan nilai kemusnahan yang disebabkan.

KOS

Sekitar AS\$35,000 bagi satu peluru berpandu laser.

